

## DRAF UCAPAN

**YB DATUK SRI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENUTUP  
PROGRAM PAMERAN ANUGERAH INOVASI NEGARA (AIN) 2016**

**18 OKTOBER 2016 (SELASA)/11.00 PAGI**

**DI NU SENTRAL, KUALA LUMPUR**

---

**“INOVASI BERTERUSAN MENJAMIN KELESTARIAN”**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

*[Senarai Salutasi akan dikemaskini kemudian]*

**YANG BERBAHAGIA DATO' DR. MOHD AZHAR BIN HJ. YAHAYA**

Ketua Setiausaha

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

**YANG BERUSAHA EN KUA ABUN**

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pengkomersialan)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

**YANG BERBAHAGIA PROF. MADYA DR. RAMZAH DAMBUL**

Timbalan Ketua Setiausaha (Sains, Teknologi dan Inovasi)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Para Pereka Cipta dan penyelidik,

Pegawai-pegawai kanan Kementerian, Tuan-tuan dan Puan-puan yang  
saya hargai sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

## ALU-ALUAN

1. Bersyukur kita kepada Tuhan kerana dengan Izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama berhimpun pada pagi ini dalam Majlis Penutup Program Pameran Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2016.
2. Pameran AIN 2016 merupakan Program Tahunan MOSTI yang telah dianjurkan sejak tahun 2006. Kali ini, AIN 2016 tampil di pusat membeli-belah terkenal, Nu Central bersebelahan pula dengan KL Central. Matlamat pemilihan lokasi ini adalah supaya Kementerian dapat membawa contoh hasil inovasi ini terus kepada masyarakat.
3. Saya juga dimaklumkan, pada tahun ini, terdapat dua (2) kategori baru **Anugerah** diperkenalkan sempena AIN 2016 iaitu (i) **Kategori Media Cetak**; dan (ii) **Kategori Media Elektronik**.
4. Kategori baru ini diwujudkan untuk memberi **pengiktirafan kepada pengamal-pengamal media di Malaysia**, yang selama ini telah banyak membuat liputan, khasnya untuk mengangkat kedudukan sains, teknologi dan inovasi atau STI supaya lebih dekat dengan masyarakat, **sejajar dengan usaha kerajaan untuk merakyatkan STI (humanising STI)**.
5. Saya juga amat berbangga apabila dimaklumkan bahawa jumlah penyertaan yang diterima AIN 2016 pada tahun ini amat menggalakkan. Bilangan penyertaan sebanyak 519 menunjukkan bahawa rakyat Malaysia sebenarnya sentiasa menghasilkan produk dan ciptaan inovasi, cuma ianya

mungkin tidak diketahui serta kurang mendapat publisiti dan oleh itu inovasi ini perlu diketengahkan dan dikongsi bersama.

## **AIN PLATFORM KEPADA PEREKACIPTA HASIL INOVASI**

6. Mengungkap kembali sejarah penganjuran AIN sejak tahun 2006, penganjuran AIN telah memasuki tahun ke-11. Matlamatnya masih sama iaitu untuk mengiktiraf usaha inovasi dan kreativiti oleh pereka cipta Malaysia yang telah menjana idea, ciptaan dan produk baru dalam bidang sains dan teknologi.

7. Atau dengan kata lainnya, **AIN menjadi platform kepada pereka cipta hasil inovasi** negara untuk mempamerkan hasil ciptaan inovasi masing-masing kepada seluruh rakyat Malaysia.

8. Program ini juga diharapkan dapat menjadi dorongan kepada pencipta-pencipta lain untuk terus mencipta dan saya yakin dalam jangka panjang, Negara akan dapat menghasil pereka cipta yang berkaliber, yang mungkin boleh mencapai sehingga peringkat Nobel laureate.

9. Kita seharusnya boleh `benchmark` tahap Inovasi dan tahap kemajuan teknologi Negara-negara Scandinavia. Sweden contohnya hanya mempunyai seramai 9.9 juta penduduk, tetapi Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) pada tahun 2015 bernilai 492.62 billion US dollars.

10. Sedangkan Malaysia dengan penduduk seramai 31 juta, nilai GDP hanya sebanyak 296.22 Billion US Dollars pada tahun 2015. Tuan-puan boleh mengira sendiri jumlah pendapatan perkapita Negara Sweden. (54,988 US dollars pada tahun 2015).

11. Sweden juga telah menghasilkan seramai pemenang 578 hadiah nobels, 52 peratus sumber tenaga daripada tenaga boleh baru atau *renewable energy* dan seramai 636 atlit memenangi medal di sukan Olimpik.

12. Oleh itu AIN juga wajar dilihat sebagai **inisiatif untuk menggalakkan inovasi di peringkat akar umbi khususnya di kalangan inovator generasi muda**. Ini kerana inovasi perlu bermula daripada awal. Justeru, pendidikan peringkat persekolahan atau politeknik di negara ini perlu menjurus kepada pembentukan 'the minds of innovation'.

13. Sehubungan itu, kehadiran kita semua ke Program Pameran AIN 2016 ini amatlah bertepatan untuk melihat sendiri produk dan ciptaan inovasi baru di Malaysia dan saya mengharapkan idea inovasi mula tertanam disetiap minda kita semua hari ini.

### **KELESTARIAN INOVASI MELALUI INOVASI TERBUKA**

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

14. Banyak negara di dunia sudah melaksanakan apa yang dikenali sebagai 'open Innovation'. Ia adalah konsep berkaitan '*combining internal*

*and external ideas as well as internal and external paths to market to advance the development of new technologies’.*

15. Di Malaysia kita selalu didedahkan dengan bermacam-macam konsep kerjasama contohnya **kerjasama rakan strategik**. Saya menyarankan konsep ini dilaksanakan secara lebih *rigorous* mengambil pakai konsep ‘open Innovation’. Beberapa ciri ‘open Innovation’ yang utama yang boleh dijadikan panduan antaranya:

- (i) External R&D can create significant value: internal R&D is needed to claim some portion of that value.*
- (ii) Building a better business model is better than getting to the market first.*
- (iii) We should profit from others’ use of our IP, and we should buy others’ IP whenever it advances our business mode.*

16. Oleh itu, agenda pengkomersialan sebagai contohnya mungkin memerlukan pemikiran semula. Saya tidak menyatakan intervensi pengkomersialan seperti program bina upaya, suai padan perniagaan, *pitching*, pembangunan model perniagaan, akses kepada pasaran, promosi bersama tidak penting.

17. Tetapi yang lebih utama adalah perubahan perspektif pemikiran pencipta dan syarikat samada besar atau SMEs, dimana satu teknologi tidak mungkin boleh menghasilkan satu produk *game changer*. Ia memerlukan pelbagai teknologi.

18. Ini kerana inovasi terbuka membenarkan perkongsian sumber kewangan, tenaga pakar dan kemudahan infrastruktur untuk mencari penyelesaian yang inovatif dan kreatif kepada industri berkenaan. Lihatlah hasil kejayaan Google, Samsung Accelerator dan Shell GameChanger yang memanfaatkan inovasi dari luar untuk meningkatkan kualiti produk mereka

19. ***Remember, not all the smart people work for us, so we must find and tap into the knowledge and expertise of bright individuals outside our company.*** Dengan cara ini, inovasi akan berkembang maju.

### **MOSTI MEMBANTU PENGKOMERSIALAN PRODUK INOVASI**

Hadirin sekalian,

20. Merujuk kepada pameran AIN 2016 selama dua hari ini, adalah penting semua stakeholders sama ada Kerajaan, pihak industri, syarikat SMEs, Venture Capitalist dan syarikat kewangan, meneliti hasil R&D dan inovasi yang di pameran yang mempunyai potensi tinggi untuk diterjemahkan kepada produk bernilai tinggi dan boleh memasuki pasaran.

21. Saya difahamkan terdapat beberapa produk inovasi yang di pameran di AIN tahun sebelum ini telah berjaya memasuki pasaran. Antaranya Rostrum Pintar (RosPin) yang mula digunakan dan produk perangkap nyamuk berjenama MyMAT telah dikeluarkan sebanyak 300,000 unit.

## **PENUTUP**

Hadirin dan hadirat sekalian,

22. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak atas kerjasama dan usaha gigih untuk menjayakan program ini. Saya berharap masyarakat pelbagai peringkat mendapat manfaat dan pendedahan yang berguna hasil pameran yang diadakan semasa AIN 2016 tahun ini.

23. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada semua finalis AIN 2016 yang menyertai pertandingan pada tahun ini yang keputusannya akan diumumkan dalam Majlis Anugerah Inovasi Negara 2016 di Hilton Kuala Lumpur pada 19 Oktober 2016 nanti.

24. Dengan itu, saya dengan sukacita dengan rasminya menyempurnakan **MAJLIS PENUTUP PROGRAM PAMERAN ANUGERAH INOVASI NEGARA (AIN) 2016.**

Sekian, terima kasih.